

Mercun, bunga api diharamkan — PM

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Kerajaan akan menguatkuasakan sepenuhnya larangan mengimport serta membakar bunga api dan mercun mulai tahun depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, larangan itu ialah sebagai langkah keselamatan orang ramai memandangkan banyaknya kesan buruk yang timbul daripadanya.

“Saya fikir tahun depan kita kena larang terus. Saya nampak bunga api ini berbahaya kerana orang kita agak pandai menggunakan bahan api itu. (Mereka) masukkan ke dalam kelongsong buluh untuk mendapatkan kesan bunyi yang lebih kuat daripada bunga api tetapi dengan berbuat demikian mereka mencederakan diri sendiri,” katanya selepas membuat rakaman ucapan Hari Raya Aidilfitri di Angkasapuri, di sini.

Menurut *Bernama* Perdana Menteri juga yakin tindakan kerajaan itu tidak akan mendapat bantahan masyarakat Cina walaupun ia sebahagian daripada tradisi mere-

ka semasa menyambut Tahun Baru Cina.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Singapura telah lama melarang pembakaran mercun dan bunga api.

“Mereka (kaum Cina) juga terima bahawa tidak perlu gunakan bunga api dan mercun dan mereka tidak menentang. Bahkan mereka sedar ini sudah melampaui batas,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, berbanding pada zaman dulu, bunga api susah untuk diperolehi dan ia tidaklah berbahaya dan letupannya tidak sekuat seperti yang ada sekarang tambahan pula terdapat sesetengah orang yang mencampurkan serbuk letupan untuk mendapatkan kesan letupan yang lebih kuat.

“Tidak seperti di zaman dahulu kala... hendak membelinya pun susah. (Letupan) bunga api pun (ketika itu) tidak begitu kuat dan tidak berbahaya,” katanya.

Beliau berkata, setiap tahun kes kecederaan akibat membakar mercun dan bunga api terus mening-

■ Lihat muka 2

Mercun, bunga api diharamkan — PM

kat walaupun terdapat kawalan daripada segi menentukan jenis mercun dan bunga api yang dibenarkan dijual.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), pula dalam reaksi spontannya, menyokong hasrat kerajaan untuk melarang terus pengimportan dan pembakaran mercun dan bunga api di negara ini.

Bagaimanapun, Presidennya, Encik Hamdan Adnan berharap larangan itu dimulakan secepat mungkin dan kalau boleh ia hendaklah dikuatkuasakan mulai tahun ini juga.

Katanya, pengharaman itu tepat pada masanya dan wajar bagi mengelak-

kan lebih banyak nyawa terkorban akibat mercun buatan sendiri.

“FOMCA menyokong penuh saranan Perdana Menteri, tetapi kalau boleh, kita mahu ia berkuatkuasa tahun ini juga memandangkan banyak kejadian buruk yang berlaku,” katanya.

Sementara itu di Melaka seorang pelajar, Rozamin Rahmat, 15, putus kelima-lima jari tangan kiri akibat letupan mercun buatan sendiri.

Rozamin yang dimasukkan ke Hospital Melaka kira-kira pukul 4 petang, dikatakan memasuki belerang bunga api ke dalam sebatang besi paip dan meletup semasa digoncang.

Pelajar tersebut bermain mercun buatan sendiri itu seorang diri semasa bapanya tiada di rumah.

Bapanya, Rahmat Kasini, 58, berkata kejadian itu berlaku di rumahnya di Kilometer 29, Jalan Batu Gajah - Merlimau dekat sini, kira-kira pukul 3 petang.

Menurutnya, anak keempat daripada lima beradik itu telah beberapa kali dinasihatkan supaya tidak melakukan perbuatan itu sebelum ini.

“Dia memang nakal, dulu pun dia pernah membuat mercun sendiri tetapi tidak berlaku apa-apa,” katanya ketika ditemui di Hospital Melaka, di sini, petang ini.